

INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.ijlgc.com



**LITERATURE REVIEW KECENDERUNGAN BELIA DALAM
MENENTUKAN CALON POLITIK DALAM PILIHAN RAYA
UMUM**

*LITERATURE REVIEW OF YOUTH'S TENDENCIES IN DETERMINING
POLITICAL CANDIDATES IN GENERAL ELECTIONS*

Norshahrul Marzuki Mohd Nor^{1*}, Norazlan Hadi Yaacob², Mohamad Basri Jamal³

¹ Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI

Email: norshahrul@fsk.upsi.edu.my

² Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI

Email: norazlan@fsk.upsi.edu.my

³ Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI

Email: basri.jamal@fsk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 31.10.2024

Revised date: 14.11.2024

Accepted date: 03.12.2024

Published date: 18.12.2024

To cite this document:

Nor, N. M. M., Yaacob, N. H., & Jamal, M. B. (2024). *Literature Review Kecenderungan Belia Dalam Menentukan Calon Politik Dalam Pilihan Raya Umum*. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (38), 352-371.

DOI: 10.35631/IJLGC.938023

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Berdasarkan kajian melalui *Literatur Review* Kecenderungan Belia Dalam Menentukan Calon Politik Dalam Pilihan Raya Umum, menggunakan kaedah menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik [*Systematic Literature Review (SLR)*] telah dapat menjelaskan tema atau kecenderungan utama belia dalam memilih calon dalam pilihanraya umum yang lalu. Berdasar kepada kehendak kepada kecenderungan utama dalam pemilihan calon yang menjadi tema mereka ialah kepimpinan, integriti dan anti rasuah, keselamatan dan pembangunan. Berdasarkan kepada pemilihan tema yang dikaji dalam 23 artikel yang telah dipilih, menunjukkan tema kepimpinan menjadi pilihan utama mereka dal memilih calon parti politik yang dipilih dalam pilihanraya iaitu sebanyak 34.7 % atau 8 artikel yang memilih kepimpinan menjadi tajuk utama dalam kajian mereka, pilihan ini menjadi perkara yang diberi keutamaan belia dalam menentukan calon pilihanraya mereka yang dipilih. Seterusnya tema berkaitan integriti dan anti rasuah menjadi tajuk kedua penting dalam pemilihan calon pilihanraya iaitu sebanyak 30.4 % atau 7 artikel yang membincangkan tema ini, kerana belia melihat pengalaman sebelumnya, ramai ahli politik yang terlibat dengan masalah integriti dan rasuah, menyebabkan negara kehilangan banyak wang dan kerugian kerana masalah ini. Selebihnya tema keselamatan dan pembangunan mewakili 17.3 % atau 4 artikel masing-masing yang menjadi pilihan calon ditempat mereka mengundi.

Kata Kunci:

Pengundi Belia, Kehendak Belia, Pilihanraya Umum, Calon Politik.

Abstract:

Based on a study through a Literature Review of Youth Tendencies in Determining Political Candidates in the General Election, using the method of systematic literature review [Systematic Literature Review (SLR)] has been able to explain the main themes or tendencies of youth in choosing candidates in the last general election. Based on the requirements for the main tendencies in selecting candidates, their themes are leadership, integrity and anti-corruption, security and development. Based on the selection of themes studied in the 23 articles that have been selected, it shows that the theme of leadership is their main choice in choosing political party candidates selected in the election, which is 34.7% or 8 articles that choose leadership as the main topic in their study, this choice is a matter that is given priority by youth in determining their chosen election candidates. Next, themes related to integrity and anti-corruption are the second important topic in selecting election candidates, which is 30.4% or 7 articles that discuss this theme, because youth see previous experience, many politicians are involved in integrity and corruption problems, causing the country to lose a lot of money and losses because of this problem. The remaining themes of security and development represented 17.3% or 4 articles each that were chosen by candidates where they voted.

Keywords:

Youth Voters, Youth Aspirations, General Elections, Political Candidates.

Pengenalan

Pilihan raya merupakan salah satu elemen penting dalam sistem demokrasi, di mana rakyat mempunyai kuasa untuk memilih pemimpin yang akan mewakili mereka di pelbagai peringkat pemerintahan. Dalam konteks ini, golongan belia memainkan peranan yang signifikan kerana mereka mewakili sebahagian besar populasi pengundi, dan pandangan serta keputusan mereka boleh mempengaruhi hasil pilihan raya. Kajian tentang kecenderungan belia dalam menentukan calon politik dalam pilihan raya menjadi semakin penting dalam beberapa dekad kebelakangan ini. Ini kerana belia sering kali dilihat sebagai kumpulan yang dinamik, berfikiran kritis, dan sering kali tidak terikat kepada ideologi politik tradisional. Mereka cenderung untuk membuat pilihan berdasarkan isu-isu semasa, keperibadian calon, serta kebolehan calon untuk menyampaikan aspirasi mereka.

Berdasarkan statistik Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), jumlah pengundi muda atau belia yang baru pertama kali mengundi ialah sekitar 6.2 juta orang dan yang berumur 18 hingga 20 tahun seramai 1.3 juta orang. Oleh kerana mereka adalah kumpulan pertama kali mengundi, maka kecenderungan sokongan politik mereka tidak jelas (Sinar Harian, 20 Oktober 2021). Banyak pihak tertanya-tanya ke mana hala tuju sokongan politik mereka khususnya dalam persaingan banyak penjurong yang melibatkan kerjasama politik besar seperti Perikatan Nasional, Pakatan Harapan, Barisan Nasional dan Gerakan Tanah Air (Mohd et. al. 2023).

Pengundi baharu ini merujuk kepada warganegara yang cukup syarat sebagai pemilih dan belum pernah mengundi, khususnya selepas pelaksanaan sepenuhnya Undi-18. Oleh kerana mereka adalah kumpulan pertama kali mengundi, maka kecenderungan sokongan politik mereka tidak jelas. Persoalan siapa yang menjadi pilihan pengundi baharu ini menjadi tanda tanya yang cukup besar memandangkan bentuk dan hala tuju politik mereka belum dapat dipastikan, belum ada sebarang pola mahupun tanda sokongan (SPR, 2021).

Pengundi belia dilihat memiliki persepsi tersendiri terhadap kepemimpinan negara (Junaidi et. al, 2014). Ini dapat dilihat dalam pelbagai gerakan belia menerusi media cetak, media baru serta luahan terbuka menerusi demonstrasi terbuka. Belia pelbagai kaum, berlainan sosio-ekonomi dan budaya juga dilihat mempunyai persepsi yang tersendiri terhadap model kepemimpinan negara yang diingini (Mohd Fuad, 2012).

Kecenderungan para pengundi baharu juga dilihat lebih dinamik, oportunis dan progresif (Mohd et.al, 2022). Oleh sebab itu mereka memerlukan ruang yang lebih bebas, luas dan terbuka tanpa sekatan yang terlalu rigid untuk mereka melontarkan idea serta pendapat mereka dalam cara gaya berpolitik di medan demokrasi baharu ini. Mereka juga seringkali membandingkan perkembangan demokrasi dalam negara dengan negaranegara lain khususnya dalam isu yang melibatkan hak asasi manusia, peranan kerajaan, ketelusan dalam pelaksanaan pilihan raya, fungsi pembangkang dan isu yang melibatkan integriti (Amer et.al, 2010). Dengan menelusuri perkembangan tersebut, banyak kajian terhadap pengundi baharu berkisar terhadap perspektif literasi dan kesedaran politik golongan belia (Nor & Junaidi, 2023 & Mohd et.al, 2009). Hal ini kerana kajian literasi politik belia dan gerakan aktivisme adalah suatu usaha yang kompleks, tidak mencukupi sekiranya ditekankan dalam sistem kurikulum pendidikan sahaja, dan melibatkan pelbagai dimensi kehidupan berpolitik (Robert & Alan, 2002; Nor & Adil, 2019). Apa yang nyata, implikasi literasi politik membawa kepada peningkatan penglibatan generasi muda dalam berpolitik secara objektif dan rasional, serta mampu membentuk pengundi muda untuk lebih kritikal, prihatin dan menjiwai perkembangan semasa yang berlaku dalam negara (Nor & Adi, 2019).

Melalui kajian *literatur review* ini dapat memberikan maklumat sebenar kecenderungan belia di Malaysia dalam memilih calon ahli politik yang dipilih oleh mereka dalam PRU-15, sebagai satu kuasa dalam politik Malaysia kini. Sebagai satu perkembangan demokrasi yang positif dengan menerapkan kesedaran politik belia sebagai pemimpin masa depan (Mohd et. al, 2023). Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk menganalisis tema perbincangan isu kecenderungan belia dalam memilih calon mereka pada pilihan raya umum ke-15.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik [*systematic literature review (SLR)*]. Metod ini akan menganalisis secara sistematik mengenai kecenderungan belia dalam memilih calon pilihan raya yang mereka mahupun dalam pilihan raya umum ke-15. Dalam kajian ini antara pilihan yang menjadi perkara pokok atau isu dalam memilih calon pilihan raya yang melibatkan kredibiliti pemimpin, idea perjuangan, gaya kepemimpinan dan penampilan serta perwakilan setiap calon yang ada. Melalui artikel-artikel yang ditulis dari 2018 hingga 2022 yang melibatkan kecenderungan politik belia yang ada di Malaysia dalam menentukan calon pilihan mereka. Kajian ini menerapkan kaedah tinjauan literatur sistematik (SLR) yang merangkumi latar belakang, permasalahan, metod dan definisi kajian. Setiap literatur yang dipilih akan disusun berdasarkan isu dan kecenderungan politik belia Malaysia.

Selain daripada perkara yang tidak berkaitan dengan persoalan dan objektif kajian tidak akan dimasukkan ke dalam tinjauan sistematik literatur (SLR). Kaedah ini mengaplikasikan carian sistematik dengan menggunakan kata kunci seperti mana prinsip tinjauan literatur sistematik (SLR) yang diterapkan oleh penyelidik moden. (Susan & S Williams, 2003; Abur Hamdi et. al, 2020). Dalam membuat kajian literatur menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik, langkah-langkah dijalankan secara berurutan dan sistematik. Dalam erti kata lain, tinjauan literatur dibuat bermula daripada perkara yang paling asas dan seterusnya beralih kepada perkara yang lebih kompleks.

Proses menggunakan kaedah ini memerlukan peringkat yang agak panjang, tetapi hasil kajian literatur yang terhasil akan lebih terperinci, tepat dan kompleks. Oleh itu, dengan kaedah ini, penulis dapat memperoleh asas teori yang lebih tajam dan berkualiti. Dalam kajian ini kata kunci ialah, kecenderungan, pemilihan, calon politik belia dan kehendak mereka pada PRU-15 digunakan bagi mendapatkan data kajian. Carian artikel adalah menggunakan pangkalan data *google scholar*, *researchgate*, dan *academia*.

Kajian ini mendapati 48 artikel yang ada kaitan dengan pengundi muda atau belia yang boleh dikaitkan dengan PRU dan kecenderungan politik belia yang bermula dari artikel yang ditulis dari tahun 2019 hingga tahun 2023, dengan menggunakan kata kunci atau isu yang ditetapkan. Setelah ditapis 30 artikel diterima dan perincian akhir hanya 23 artikel yang diterima untuk tujuan penyelidikan ini.



Rajah 1: Sumber Primitif

Sumber: Michie & Williams, 2003

Dapatan Kajian

Sebanyak 23 artikel telah dikenal pasti untuk pemilihan akhir yang mempunyai kaitan dengan kajian iaitu, kecenderungan belia dalam menentukan calon politik dalam Pilihan Raya Umum Ke-15. Dapatan yang diperolehi telah diringkaskan secara bersistematik seperti Jadual 1.

Bil.	Artikel 2019	Isu/Perkara Asas	Metod	Dapatan	Kecenderungan Memilih
1	Persepsi golongan belia terhadap 'Malaysia Baharu' dalam kerangka pembangunan komuniti di Semenanjung Malaysia. (Mohd Mahadee Ismail, Mohd Sabri Md Nor & Zatul Himmah Adnan).	Membincangkan tentang persepsi golongan belia terhadap 'Malaysia Baharu' dalam kerangka pembangunan komuniti di Semenanjung Malaysia Istilah Malaysia Baharu . popular digunakan selepas berlakunya pertukaran kerajaan pada pilihan raya umum ke-14.	Kajian telah menggunakan gabungan dua pendekatan kualitatif dan kuantitatif.	Hasil kajian menunjukkan wujud variasi persepsi responden berdasarkan etnik terhadap Malaysia Baharu dalam perkara-perkara yang melibatkan pembangunan komuniti.	Pembangunan
2	Tahap Pengetahuan dan Impak Kegiatan Politik Kampus Kepada Kehidupan Mahasiswa Era Malaysia Baharu. (Norshamliza Chamhuri, Tuan Muhamad Shafiq Che Wan Ngah, Mohd Akmal Fauzan Mohd Kamil, Nur Farah Syahiera Jaharudin & Naszrul Nizam Muhamad Radhi)	Dikhuatiri mahasiswa tidak cakna dan cetek tentang ilmu politik. Politik kampus dilihat sebagai medan terbaik untuk melahirkan golongan intelek muda yang matang dan berwawasan.	Kajian ini menggunakan dua kaedah penyelidikan iaitu pendekatan kuantitatif dan kualitatif.	Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan mahasiswa terhadap politik kampus adalah sederhana tinggi.	Kepimpinan
	Artikel 2020	Isu/Perkara Asas	Metod	Dapatan	Kecenderungan Memilih
3	Pola sokongan pengundi muda sebelum Pilihan Raya Umum ke 14 di Malaysia. (Yazid Saleh, Siti Noranizahhafizah Boyman, Hanifah Mahat, Mohmadisa Hashim, Nasir Nayan, Saiyidatina Balkhis Norkhaidi & Samsudin Suhaili)	Secara rumusnya, berdasarkan kajian penyelidikan-penyelidik yang terdahulu didapati beberapa perkara penting tentang orang muda iaitu: (i) mereka cakna tentang politik Malaysia, (ii) Mempunyai kriteria pemilihan calon yang benar sangat rinci dan (iii) mereka benar-benar yakin bahawa calon yang mereka pilih mampu menyuarakan hasrat dan aspirasi mereka.	Kajian ini telah menggunakan kaedah gabungan iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Penggabungan kaedah ini membolehkan dapatan secara lebih terperinci, tepat dan mendalam (Bryman, 2006). Kaedah kuantitatif kajian ini adalah melalui edaran borang soal selidik yang meliputi domain pihak yang disokong, kriteria pemilihan, ciri-ciri calon, dasar parti dan isu semasa.	Golongan muda adalah golongan yang sering dilihat sebagai 'rebel', 'anti establishment' serta menganut fahaman politik baru iaitu politik yang merentasi sempadan bangsa dan agama serta bersifat universal. Walaupun sering dihebahkan di media bahawa anak muda tidak menyokong kerajaan dan cenderung kepada pembangkang	Kepimpinan
4	Keperluan Literasi Media Dalam Penyertaan Politik Berintegriti Golongan Muda (Mohd Sufiean Hassan, Siti Nurshahidah Sah Allam, Mohd Afendi Daud & Zaliiffah Abd Wahab)	Justeru itu, kebanyakan pengkaji sains sosial dan sains politik secara kolektif membentuk resolusi bahawa nilai integriti adalah signifikan dibentuk daripada perspektif media literasi untuk memandu dan mendidik masyarakat tentang penggunaan media yang beretika.	Persoalannya, sejauh mana masyarakat umum layak dan kompeten menyertai politik dalam mempengaruhi proses membuat keputusan oleh kerajaan melalui penggunaan media. Isu ini membawa kepada kajian literasi media yang merujuk kepada keupayaan untuk mengakses,	Tindakan golongan muda ini mencetus fenomena fasa baharu impak media melalui penciptaan kandungan media yang bermoral, mendorong aktiviti politik di media sosial dibentuk dengan acuan integriti dan mampu membentuk mobiliti sosial ke arah budaya beretika.	Integriti dan anti rasuah

menganalisis, menilai
dan menyampaikan
mesej dalam pelbagai
bentuk melalui media

5	Pola sokongan belia Melayu dalam PRU-14 di beberapa DUN terpilih dalam negeri Kedah. (Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori & Mohd Syukri Zainuddin)	Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 adalah salah satu pilihan raya yang telah mencatatkan sejarah tersendiri apabila BN yang memerintah selama 61 tahun berjaya ditewaskan buat kali pertamanya. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis pola sokongan golongan belia Melayu di kawasan luar bandar di negeri Kedah.	Bagi memantapkan penulisan artikel ini data kuantitatif dan kualitatif digunakan. Kaedah kuantitatif lebih melibatkan data yang berangka dan kaedah ini digunakan bagi membuktikan dan menyanggah sesuatu hipotesis dan mampu menghasilkan penemuan baru. Kaedah ini berupaya menghasilkan keputusan yang tepat dan sah dalam objektif kajian. Kaedah kualitatif melibatkan pengalaman hidup yang sebenar sebagai tindak balas kepada penterjemahan dan kefahaman dalam kehidupan manusia serta realiti dunia sebenar.	Golongan belia Melayu juga merupakan golongan yang paling ramai menjadi pengundi atas pagar dan sekali gus bertindak sebagai penentu kemenangan kepada sesebuah parti politik. Oleh yang demikian dapat dirumuskan bahawa peranan belia penting dalam membentuk sebuah negara yang maju dan berani ke hadapan bagi turut serta dalam proses pembangunan sosioekonomi dan sosiopolitik sesebuah negara	Pembangunan
6	Artikel 2021 Pengaruh Media Baru dan Penglibatan Politik Belia. (Siti Khadijah Omar Nor Farizah Johari, Muhammad Syafiq Hassan, Mohamad Rahimi & Mohamad Rosman)	Isu/Perkara Asas Peranan teknologi telah mengubah kehidupan rakyat Malaysia terutamanya golongan muda yang dikatakan begitu berdamping dengan teknologi iaitu internet. Media baru adalah salah satu medium yang berfungsi untuk mempengaruhi dan mendidik masyarakat yang mampu memberi impak kepada senario politik negara. Sejak pilihan raya ke 10 lagi di Malaysia, penggunaan internet dalam penglibatan politik sudah bermula. Belia dilihat sebagai pengguna internet yang paling ramai sekali berbanding golongan lain. Golongan ini cepat dalam menggunakan kemudahan internet kerana sifatnya yang pantas dalam mengakses kepada maklumat terkini	Metod Kaedah persampelan rawak melibatkan 126 responden yang merupakan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) berumur di antara 18 hingga 23 tahun. Dapatan kajian menunjukkan belia aktif dalam menggunakan media baru untuk tujuan berinteraksi antara satu sama lain dan juga belia aktif dalam penglibatan politik secara online. Walaubagaimanapun, kajian pada masa hadapan boleh meluaskan had umur belia dan juga lokaliti supaya dapat mempelbagaikan dapatan kajian yang boleh membantu pihak yang bertanggungjawab	Dapatan Kemunculan saluran media alternatif ini bukan sahaja mengubah corak penghantaran dan pengaliran maklumat, malah mencetuskan penyebaran pendapat awam secara meluas. Telefon pintar juga merupakan keperluan utama dikalangan belia sebagai medium komunikasi semasa. Jadi tidak hairanlah apabila para belia menggunakan telefon pintar dalam mendapatkan maklumat	Kecenderungan Memilih Pembangunan
7	Media baharu dan aktiviti politik belia Melayu di Selangor. (Marshelayanti Mohamad Razali & Nafisah Ilham Hussin)	Di Malaysia, penggunaan media baharu dalam aspek politik semakin meluas terutamanya selepas Pilihan Raya Umum ke-10. Dari segi	Di Malaysia, penggunaan media baharu dalam aspek politik semakin meluas terutamanya selepas Pilihan Raya Umum ke-10. Dari segi	Kesimpulannya, penemuan kajian ini menunjukkan bahawa golongan muda memiliki perspektif yang tersendiri dalam	Kepimpinan

		kumpulan umur, belia merupakan golongan yang paling tinggi menggunakan media baharu ini. Namun, bagaimanakah golongan belia ini menggunakan media baharu bagi tujuan politik? Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menilai penggunaan media baharu bagi aktiviti politik dalam kalangan belia di Selangor.	kumpulan umur, belia merupakan golongan yang paling tinggi menggunakan media baharu ini. Namun, bagaimanakah golongan belia ini menggunakan media baharu bagi tujuan politik?	pemilihan calon pilihanraya. Bagi mendapatkan sokongan dari orang muda, kriteria-kriteria yang telah dibincangkan tadi mestilah seiring dengan jiwa orang muda.	
8	Skala Amalan Integriti Penyertaan Politik: Kesahan Dan Psikometrik (Mohd Sufiean Hassan, Siti Nurshahidah Sah Allam, Abd. Aziz A'zmi & Rizky Hafiz Chaniago)	Kajian empirikal integriti penyertaan politik kurang diberi perhatian pengkaji sains sosial dan kemanusiaan. Justeru itu, kajian ini fokus menilai skala psikometrik integriti penyertaan politik golongan muda.	Instrumen Skala Integriti Penyertaan Politik dibentuk daripada gabungan Skala Penggunaan Media Sosial dan Penyertaan Politik Dalam Talian dan Skala Integriti untuk menguji nilai integriti golongan muda melalui Analisis Faktor Pengesahan (CFA) dan pembentukan Model CFA Skala Integriti Penyertaan Politik.	Dapatan menunjukkan model multidimensi skala integriti penyertaan politik telah mencapai ketepatan padanan yang baik dan mencapai kesahan konvergen berdasarkan hubungan yang signifikan pemboleh ubah. Skala ini turut mencapai kesahan diskriminan dan kesahan prediktif yang menyokong ciri-ciri psikometrik versi Bahasa Melayu.	Integriti dan anti rasuah
9	Artikel 2022 Penyertaan Politik dalam kalangan Belia dengan Menggunakan Media Sosial (Md Razali, N. S. & Muhamad, R.)	Isu/Perkara Asas Mengikut kajian-kajian lepas, golongan belia kurang berminat dengan politik. Dengan adanya internet khususnya media sosial, ia memberi peluang kepada golongan belia terutamanya pelajar untuk berpolitik. belia	Metod Kajian ini dilakukan dengan mengumpul data primer dengan menggunakan borang kaji selidik yang diagihkan kepada 170 orang responden yang merupakan pelajar tahun tiga di Universiti Malaysia Terengganu. Kajian mendapati kesedaran politik dalam kalangan pelajar masih rendah walaupun terdedah kepada media sosial.	Dapatan Penyertaan golongan belia dalam aktiviti politik boleh digalakkan melalui usaha kerjasama pelbagai pihak untuk mempengaruhi golongan ini. Sebagai contoh, pihak yang terlibat boleh mengamalkan politik yang sihat supaya dapat menarik minat golongan belia ini untuk cakra akan situasi politik.	Kecenderungan Memilih Integriti dan anti rasuah
10	Undi 18, Dinamika Politik Dan Keselamatan Negara: Analisa Daripada Pilihan Raya Negeri Johor 2022. (Mohd Azmir Mohd Nizah & Afi Roshezry Abu Bakar)	Pilihanraya Negeri Johor 2022 membuka lembaran baru demokrasi representatif negara apabila buat pertama kalinya pengundi yang telah berumur 18 tahun dibenarkan menjadi pengundi dalam pilihanraya negara. Banyak kajian lepas di luar negara mahupun dalam negara telah memperlihatkan kecenderungan pengundi muda yang lebih dinamik,	Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan analisis dokumen dan pungutan maklumat pemerhatian sepanjang PRN Johor berlangsung daripada 26 Februari 2022 hingga 11 Mac 2022. Analisa dokumen adalah berdasarkan rujukan terhadap Prosedur Operasi Standard Majlis Keselamatan Negara, dan SPR. Maklumat pemerhatian pula	Kajian mendapati pengundi muda mempunyai tahap sosialisasi politik yang rendah, di samping tidak mempunyai komitmen yang jelas dan konsisten terhadap parti dan pilihan raya. Namun, Undi18 telah memberikan golongan ini satu kuasa untuk memilih sebuah kerajaan, dan pastinya kualiti membuat keputusan	Keselamatan

opportunitis dan progresif, maka adalah signifikan untuk mengkaji tren pengundian pengundi muda. Lebih menarik juga, untuk dilihat bukan sahaja dalam konteks partisipasi dalam amalan demokrasi, tetapi juga dalam konteks keselamatan negara. Oleh yang demikian, makalah ini akan melihat tren pengundian pemilih muda pada pilihan raya negeri ini disamping membincangkan perkara-perkara yang terkait dengan soal keselamatan negara.

berdasarkan laporan pemerhatian penulis sepanjang kempen pilihan raya berlangsung khususnya yang melibatkan pengundi muda. Melalui kaedah ini, penulis dapat membuat perbandingan prosedur yang telah dikeluarkan dan pemerhatian pematuhan prosedur oleh elit politik

menjadi satu lagi persoalan yang perlu diberi perhatian yang besar. Selain daripada itu, artikel ini juga membincangkan kesan pengundian dalam kalangan pengundi muda semasa pandemik, yang mana pengaruh media sosial yang membentuk minda ketidaktentuan boleh menjadi sebab kepada keselamatan negara dipertaruhkan.

11	Pandangan Belia Terhadap Isu Sosioekonomi dan Politik di Kawasan DUN Peramu Jaya, Pekan, Pahang. (Balqis Farhana Ismayuddin & Junaidi Awang Besar)	Pindaan umur kelayakan pengundi 18 tahun telah memberi tanggungjawab baru yang besar kepada belia di Malaysia. Hak mengundi ini telah membuka ruang bagi golongan ini untuk menilai, bersuara dan memilih bagi Pilihan Raya Umum (PRU) yang akan datang. Perkara ini turut mengukuhkan lagi peranan golongan belia dalam menentukan dan membentuk masa depan negara. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan kertas kerja ini untuk menganalisis pandangan belia terhadap isu sosioekonomi dan politik di kawasan DUN Peramu Jaya, Pekan, Pahang.	Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data berdasarkan soal selidik, temu bual, pemerhatian lapangan, kajian perpustakaan dan kajian atas talian. Data-data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 25. Hasil kajian mendapati 68 peratus responden belia di kawasan kajian mengambil tahu mengenai isu sosioekonomi dan politik.	78 peratus responden bersetuju bahawa pandangan mereka terhadap isu sosioekonomi dan politik memberi kesan terhadap pilihan politik mereka. Kesimpulannya, kepentingan kajian ini dapat meningkatkan ilmu pengetahuan, data tambahan dan sebagai rujukan kepada pihak berkaitan mengenai kelompok belia khususnya dalam bidang politik dan pilihan raya di Malaysia.	Pembangunan
12	Mempersiapkan Pengundi Muda Memilih Pemimpin Negara. (Azrina Sobian)	Oleh itu, kriteria lain perlu diambil kira misalnya keterampilan dan kewibawaan tokoh pemimpin, yang meliputi kecekapan, integriti, ilmu dan pengetahuan, empati, adil, sihat tubuh badan, berani serta tegas mempertahankan agama Islam dan masyarakat yang dipimpinnya.	Pemerhatian umum menunjukkan bahawa pengundi muda terutamanya yang pertama kali mengundi, mungkin berasa keliru untuk memilih wakil pemimpin masing-masing. Malah, mungkin ada sebahagiannya yang tidak menyedari bahawa mereka telah pun layak mengundi. Mungkin juga ada yang sudah berkira-kira untuk tidak mengundi kerana merasakan tiada apa-apa perubahan yang	Namun, walau sebanyak mana pun panduan dan nasihat yang diberi, anak-anak muda masih perlu mencari jawapan sendiri. Jangan biarkan orang lain mempengaruhi pemikiran kerana pilihan adalah yang paling penting. Pengundi muda perlu ada keyakinan diri untuk memilih kerana inilah masanya untuk mencabar minda dan kebolehan diri bagi	Kepimpinan

			akan berlaku atau berasa leceh untuk beratur menunggu giliran mengundi dan sebagainya (Kualitatif)	menentukan masa hadapan negara ini	
13	Sifat dan Tingkah Laku Politik Pengundi Undi-18 di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Pulau Pinang. (Mohd Zamirul bin Mohd Dzaki)	Pindaan umur mengundi dalam kalangan pengundi di Malaysia dari 21 ke 18 tahun pasti akan memberi kesan kepada corak pengundian di Malaysia khususnya pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15. Kesedaran politik dalam kalangan pengundi muda khususnya Undi-18 dilihat agak tinggi. Kesediaan mereka untuk keluar mengundi memperlihatkan yang mereka seakan tidak sabar untuk sama terlibat dalam membuat keputusan bagi masa depan negara. Kepekaan ahli dan pemimpin politik perlu sentiasa ada terhadap golongan Undi-18 ini bagi memastikan sesebuah parti politik itu untuk terus kekal relevan.	Dalam melihat tingkah laku politik golongan Undi-18 ini, satu kajian berbentuk kuantitatif dan kualitatif secara dalam talian melalui google form telah diadakan selama 8 hari bermula pada 25 Oktober 2022 hingga 3 November 2022. Kajian ini telah dijalankan di tiga buah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di Pulau Pinang. Kajian ini melibatkan kumpulan pelajar di IPTS tersebut dan bekas pelajar yang baru menamatkan pengajian yang mana mereka ini masih termasuk dalam kategori Undi-18. Dalam kajian soal selidik yang dijalankan penyelidik ingin melihat kepada dua perkara utama iaitu adakah mereka ini akan pergi untuk mengundi dalam PRU-15? dan siapakah pemimpin politik pilihan mereka yang dianggap layak menjadi Perdana Menteri Malaysia?	Oleh itu, pembukaan keahlian parti dan memberi peluang kepada generasi muda ini menjawab jawatan penting dalam parti adalah penting sebagai usaha untuk meremajakan imej parti. Parti – parti politik yang terlalu didominasi oleh golongan tua mungkin akan mengurangkan minat golongan muda ini untuk menyertainya. Akhir sekali, adalah penting untuk semua parti-parti politik di Malaysia untuk berubah seiring dengan perubahan zaman dan cita rasa rakyat Malaysia untuk terus kekal relevan dalam persada politik Malaysia.	Kepimpinan
14	Peranan Agen Sosialisasi Ibu Bapa Terhadap Pengetahuan Politik Mahasiswa Melayu Di Universiti Awam. (Mazli Mamat & Mohd Rahimi Ramli)	Had umur minimum kelayakan pengundi diturunkan kepada usia 18 tahun dan pemansuhan Seksyen 15(2)(c) AUKU telah menjadi tanggungjawab besar negara untuk mempersiapkan golongan muda menjadi pengundi yang matang. Sebahagian mereka ini terdiri dalam kalangan mahasiswa universiti. Siap siaga mahasiswa yang berpengetahuan sebagai pengundi dalam pilihan raya berkait rapat dengan proses sosialisasi yang dilalui oleh mereka.	Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan data kajian diperoleh melalui borang soal selidik yang dikumpul semasa tinjauan dilakukan di lapangan. Sampel kajian terdiri daripada 441 orang responden mahasisiwa Melayu yang dipilih berdasarkan pensampelan berstrata dan persampelan mudah.	Agen ibu bapa secara langsung walaupun mereka mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang aspek politik. Oleh itu, mahasiswa ini mendapat pengetahuan khususnya berkaitan politik adalah daripada agen sosialisasi lain namun aspek nilai dan kepercayaan yang disosialisasikan oleh ibu bapa tetap menjadi pertimbangan dan rujukan mereka kerana ibu bapa merupakan agen sosialisasi yang lebih stabil	Kepimpinan

15	Pola sokongan pengundi muda sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 di Malaysia. (Yazid Saleh, Siti Noranizahhafizah Boyman, Hanifah Mahat, Mohmadisa Hashim, Nasir Nayan Saiyidatina Balkhis Norkhaidi & Samsudin Suhaili).	Artikel ini bertujuan untuk menganalisis pola pengundian dalam kalangan orang muda di Malaysia pada Pilihan raya Umum ke 14. Sebanyak lima domain utama iaitu pihak yang disokong, kriteria pemilihan, ciri-ciri calon, dasar parti dan isu semasa telah dipilih untuk melihat pola pemilihan ini.	Kajian ini menggunakan data primer yang diperoleh dari 47,116 responden daripada 98 Parlimen yang dipilih secara rawak sistematik serta data sekunder yang diperolehi dari buku, jurnal serta keratan akhbar. Analisis data primer melibatkan analisis frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai untuk meneliti profil responden dan tahap.	berbanding agen sosialisasi lain. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa golongan muda memiliki perspektif yang tersendiri dalam pemilihan calon pilihanraya. Bagi mendapatkan sokongan dari orang muda, kriteria-kriteria yang telah dibincangkan tadi mestilah seiring dengan jiwa orang muda.	Integriti dan anti rasuah
16	Artikel 2023 Hubungan Aspirasi Belia Melayu Terhadap Penglibatan Belia dalam Politik di Kawasan Pinggir Bandar Terengganu. (Azrie Azeh, Marzudi Md Yunus & Mohammad Tawfik Yaakob)	Isu/Perkara Asas Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk memahami kehendak dan aspirasi belia terhadap pemimpin negara dan hubungan kaitnya dengan penglibatan p & olitik mereka. Dalam kajian ini, kekuatan hubungan aspirasi belia dalam mendorong keterlibatan mereka dalam politik akan dinilai.	Metod Kuantitatif, Borang soal-selidik digunakan sebagai instrumen kajian dalam penyelidikan ini. Sampel kajian ini terdiri daripada 455 responden yang dipilih secara rawak, melibatkan golongan belia Melayu yang berumur antara 15 hingga 39 tahun.	Dapatan nalysis kajian ini, 65.9% sangat bersetuju dan 28.1% memberi maklum balas setuju dengan pernyataan ini. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa, belia amat menitik beratkan kepimpinan politik yang terdiri daripada golongan pemimpin amanah, jujur dan memerintah dengan adil.	Kecenderungan Memilih Integriti dan anti rasuah
17	Kecenderungan Pengundi Baharu dalam Pilihan Raya Umum Ke-15. (Mohd Mahadee Ismail, Zatul Himmah Adnan & Mohd Sobhi Ishak)	Hasil kajian menunjukkan 91 peratus daripada jumlah keseluruhan responden akan keluar mengundi dan mereka cenderung untuk memilih wakil rakyat yang berintegriti dan bebas rasuah, tidak mungkir janji serta berpendidikan tinggi. Sebahagian besar kumpulan responden juga cenderung untuk menyokong aliran politik yang bersifat nasional. Dari itu, pengundi baharu yang pertama kali mengundi dilihat sudah mempunyai tingkat intensiti literasi politik yang baik.	Kajian ini mengaplikasi pendekatan kuantitatif melalui teknik survei menggunakan borang soal selidik secara dalam talian iaitu menerusi aplikasi Google Form. Survei ini telah diedarkan secara terbuka dalam kalangan pengundi Malaysia yang berusia 18 tahun dan ke atas, di mana mereka yang layak mengundi sahaja dijadikan sasaran kajian.	Dari dimensi aliran politik pengundi baharu, sebahagian besar kumpulan responden yang dikaji lebih cenderung untuk menyokong aliran politik yang bersifat nasional dan memperjuangkan kepentingan kebangsaan.	Integriti dan anti rasuah
18	Keperluan Pembinaan Panduan Pemilihan Calon Pilihan Raya Untuk Belia (Farrah Nuur Fatheeah Zullaile, Zuliza Mohd Kusrin & Anwar Fakhri Omar).	Golongan pengundi muda berusia 18 tahun menimbulkan polemik dalam pilihan raya arena semasa. Kertas ini menganalisis keperluan panduan pemilihan calon pilihan raya untuk golongan belia. Kewajiban melantik pemimpin yang layak adalah menjadi keutamaan bagi pengundi masa	Kertas ini menganalisis keperluan panduan pemilihan calon pilihan raya untuk golongan belia dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kepustakaan.	Konteks politik di Malaysia tidak menyediakan panduan khusus bagi belia dalam memilih calon pilihan raya, hanya pendedahan yang terhadap sistem pilihan raya tanpa penjelasan yang menyeluruh mengenai pemilihan pemimpin.	Kepimpinan

		kini bagi menjamin kestabilan halatuju negara. Seorang pemimpin yang dilantik mestilah memiliki idealistik dan boleh menjadi qudwah hasanah (teladan yang baik) bagi orang yang dipimpin.			
19	Pemeriksaan Pendidikan Literasi Media Untuk Penyertaan Politik Belia Dalam Konteks Malaysia. (Mohd Sufiean Hassan, Siti Nurshahidah Sah Allam, Abdul Rauf Ridzuan, Siti Nur Izyandiyana Ab Hadi & Noor Afzaliza Nazira Ibrahim & Rizky Hafiz Chaniago)	Isu literasi media dalam kalangan belia merupakan kemahiran penting yang membolehkan individu menganalisis dan menilai secara kritis mesej. Tahap literasi media yang rendah dalam kalangan belia boleh memberi kesan negatif kepada penglibatan dan penyertaan politik mereka. Penyelidikan telah menunjukkan bahawa individu yang mempunyai tahap literasi media yang lebih tinggi akan lebih cenderung untuk mengambil bahagian dalam aktiviti politik dan terlibat dengan isu politik. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap literasi media dalam kalangan belia di Malaysia bagi menentukan keupayaan mereka menilai mesej politik dan membuat keputusan tepat.	Kajian kuantitatif, Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai medium pengumpulan data. Soal selidik menggunakan skala likert tujuh sela bermula dari 1 (sangat tidak setuju) hingga 7 (sangat setuju). Seramai 388 pelajar terlibat dalam kajian ini melalui persampelan rawak. Ujian rintis dilakukan sebelum meneruskan pengumpulan data akhir untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesahan instrument menggunakan pakej statistik SPSS versi 26. Alpha Cronbach bagi kelima-lima pemboleh ubah adalah di atas 0.70, menunjukkan ketekalan dalaman yang baik	Literasi media memainkan peranan penting dalam membolehkan belia mengambil bahagian secara berkesan dalam sistem politik negara mereka. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap literasi media dalam kalangan belia di Malaysia adalah sederhana. Walaupun mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas dalam menggunakan platform media digital, mereka kekurangan pemikiran kritis dan kemahiran analitikal untuk menilai maklumat yang mereka hadapi. Ini membimbangkan, memandangkan landskap politik di Malaysia adalah kompleks, dengan sejarah skandal politik dan kontroversi	Keselamatan
20	Undi18: Analisa Keperluan Literasi Politik Pengundi Muda Melayu Johor Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Pasca Prn Johor Ke-15. (Sulaiman Mahzan, Siti Fairuz Nurr Sadikan, Suhaila Osman, Mohd Ab Malek Md Shah, Mohd Risham Jaafar, Muhammad Safuan Abdul Latip, Ahmad Mudzfir Zubir & Shamsol Shafie)	Lantaran itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti keperluan literasi politik ke atas mereka di IPTA. Satu set soal selidik dibangunkan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden. Seramai 558 responden yang mengundi di negeri Johor telah memberikan maklum balas dalam kajian ini dan kaedah penyelidikan kualitatif digunakan untuk menganalisa maklum balas yang diberikan	Seramai 558 responden yang mengundi di negeri Johor telah memberikan maklum balas dalam kajian ini dan kaedah penyelidikan kualitatif digunakan untuk menganalisa maklum balas yang diberikan.	Hasil maklum balas dibahagikan kepada tiga kategori iaitu pandangan positif, negatif dan berkecuali. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 83.5% responden memberikan pandangan positif kepada keperluan literasi politik dalam kalangan pengundi muda Melayu di IPTA.	Keselamatan
21	Pengaruh Tiktok Terhadap Mahasiswa Malaysia Dalam Pilihanraya Umum-15 (PRU 15) (Fairuz Binti Ramli, Nurmunirah Binti Azami	Kajian ini membincangkan hubungan antara politik dan media sosial, khususnya TikTok, memfokuskan kepada generasi muda	Kajian ini menekankan kepada kesedaran dan penyertaan politik di kalangan pelajar universiti. Metodologi kajian ini melibatkan tinjauan dalam talian	TikTok membantu mereka memahami tindakan calon-calon selepas pilihan raya, dan menggunakan TikTok untuk mengumpul	Keselamatan

& Ruqaiyah Binti Ab Rahim)		Malaysia. Walaupun banyak penyelidikan telah dijalankan mengenai penyebaran maklumat politik melalui platform seperti Facebook dan Twitter, terdapat jurang mengenai peranan TikTok. Matlamatnya adalah untuk merapatkan jurang ini dan menyumbang kepada literatur sedia ada dengan meneroka pengaruh TikTok terhadap pengundi muda semasa Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) pada 2022.	yang diedarkan melalui borang google (google form) kepada pengundi muda dari UNITAR dan UiTM JOHOR. Pengumpulan data mengambil masa empat minggu, dengan analisis dilakukan menggunakan SPSS ver. 28. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif, memfokuskan kepada analisis deskriptif.	maklumat politik yang tidak berat sebelah.	
22	Persepsi Pengundi Muda Terhadap Memes Politik, Undi 18 dan Isu-isu 3R pasca Pilihan Raya Umum 15. (Mohd Azmir Mohd Nizah & Afi Roshezry Abu Bakar)	Konsep ini memberikan penumpuan kepada tadbir urus yang baik, pembangunan mapan dan juga keharmonian masyarakat majmuk di negara ini. Namun Malaysia Madani ini akan hanya tinggal sebagai retorik politik semata-mata jika politik memes yang negatif, manipulasi ke atas Undi 18 dan isu berkaitan 3R tidak dapat dikawal dengan baik oleh pihak kerajaan.	Menggunakan rekabentuk kajian kuantitatif, soal selidik secara rentas digunakan terhadap 400 orang responden berumur 18 sehingga 25 tahun. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi pengundi muda terhadap memes politik adalah sederhana positif, manakala persepsi terhadap Undi 18 adalah positif yang tinggi, dan persepsi terhadap isu-isu 3R adalah negatif.	Maka dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga dimensi yang dikaji ini mempunyai magnitudnya yang tersendiri. Malah adalah tidak dapat dinafikan bahawa ia merupakan antara cabaran getir yang perlu diberi perhatian yang serius oleh kerajaan dalam pengukuhan agenda Malaysia Madani	Kepimpinan
23	Faktor Pendorong Penglibatan Belia Melayu dalam Proses Pilihan Raya di Malaysia. (Abdul Hadi Samsi, Mohd Izani Mohd Zain & Nik Ahmad Sufian Burhan3	Persamaan merujuk kepada hak sama rata bagi setiap individu yang mahu melibatkan diri dalam politik. Manakala kebebasan politik merujuk kepada kebebasan untuk memilih dan mengkritik mana-mana pemimpin sekiranya tindakan yang dilakukan tidak wajar. Penglibatan pula merujuk kepada penglibatan diri dalam hal-hal berkaitan politik.	Seramai 906 orang responden dikenal pasti bagi menjawab soal selidik yang telah disediakan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat jangkaan faktor-faktor yang signifikan bagi setiap proses pilihan raya yang diketengahkan.	Secara keseluruhan artikel ini menerangkan bahawa terdapat jangkaan faktor pendorong tertentu dalam meningkatkan penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya. Sekiranya faktor bagi setiap proses pilihan raya ini diberikan perhatian sudah semestinya mampu meningkatkan penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya di Malaysia.	Integriti dan anti rasuah

Jadual 1: Sorotan Literatur Secara Sistematis Kecenderungan Belia Dalam Menentukan Calon Politik Dalam Pilihan Raya Umum.

Perbincangan

Berdasarkan kepada 23 artikel yang dipilih, kajian telah mengenal pasti empat isu penting dalam kajian kecenderungan belia dalam menentukan calon politik dalam PRU. Antara isu tersebut ialah kepimpinan, integriti dan anti rasuah, keselamatan dan pembangunan. Isu-isu


tersebut akan menentukan kecenderungan pilihan calon dalam pilihan raya yang lalu, oleh golongan belia dalam menentukan kehendak dan hak mereka sebagai pengundi dalam pilihan raya di Malaysia.

Perkara ini penting kerana golongan belia kini dilihat berperanan penting dalam menentukan menang atau kalah seseorang calon di dalam pilihan raya, dan membawa agenda yang boleh membangun dan mensejahterakan Malaysia dengan pembangunan yang menyeluruh kepada golongan dan tua amnya (Mohd et al. 2023). Jadual 2 dan graf 1 di bawah menunjukkan pengkelasan artikel mengikut empat isu tersebut:

Bil.	Kajian Tahun 2019	Pembangunan	Keselamatan	Integriti Dan Anti Rasuah	Kepimpinan
1	Md Razali, N. S. & Muhamad, R			x	
2	Mohd Mahadee Ismail, Mohd Sabri Md Nor & Zatul Himmah Adnan	x			
3	Norshamliza Chamhuri, Tuan Muhamad Shafiq Che Wan Ngah, Mohd Akmal Fauzan Mohd Kamil, Nur Farah Syahiera Jaharudin & Naszrul Nizam Muhamad Radhi				x
Bil.	Kajian Tahun 2020				
4	Yazid Saleh, Siti Noranizahhafizah Boyman, Hanifah Mahat, Mohmadisa Hashim, Nasir Nayan, Saiyidatina Balkhis Norkhaidi & Samsudin Suhaili				x
5	Mohd Sufiean Hassan, Siti Nurshahidah Sah Allam, Mohd Afendi Daud & Zaliffah Abd Wahab			x	
6	Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori & Mohd Syukri Zainuddin	x			
Bil.	Kajian Tahun 2021				
7	Siti Khadijah Omar Nor Farizah Johari, Muhammad Syafiq Hassan, Mohamad Rahimi & Mohamad Rosman	x			
8	Marshelayanti Mohamad Razali & Nafisah Ilham Hussin				x
9	Mohd Sufiean Hassan, Siti Nurshahidah Sah Allam, Abd. Aziz A'zmi & Rizky Hafiz Chaniago			x	
Bil.	Kajian Tahun 2022				
10	Mohd Azmir Mohd Nizah & Afi Roshezry Abu Bakar		x		
11	Balqis Farhana Ismayuddin & Junaidi Awang Besar	x			
12	Azrina Sobian				x
13	Mohd Zamirul bin Mohd Dzaki				x
14	Mazli Mamat & Mohd Rahimi Ramli				x
15	Yazid Saleh, Siti Noranizahhafizah Boyman, Hanifah Mahat, Mohmadisa Hashim, Nasir Nayan Saiyidatina Balkhis Norkhaidi & Samsudin Suhaili			x	
Bil.	Kajian Tahun 2023				
16	Azrie Azeh, Marzudi Md Yunus & Mohammad Tawfik Yaakob			x	
17	Mohd Mahadee Ismail, Zatul Himmah Adnan & Mohd Sobhi Ishak			x	
18	Farrah Nuur Fatheaah Zullaile, Zuliza Mohd Kusrin & Anwar Fakhri Omar.				x
19	Mohd Sufiean Hassan, Siti Nurshahidah Sah Allam, Abdul Rauf Ridzuan, Siti Nur Izyandiyana Ab Hadi & Noor Afzaliza Nazira Ibrahim & Rizky Hafiz Chaniago		x		

20	Sulaiman Mahzan, Siti Fairuz Nurr Sadikan, Suhaila Osman, Mohd Ab Malek Md Shah, Mohd Risham Jaafar, Muhammad Safuan Abdul Latip, Ahmad Mudzfir Zubir & Shamsol Shafie		x		
21	Fairuz Binti Ramli, Nurmunirah Binti Azami & Ruqaiyah Binti Ab Rahim		x		
22	Mohd Azmir Mohd Nizah & Afi Roshezry Abu Bakar				x
23	Abdul Hadi Samsi, Mohd Izani Mohd Zain2 & Nik Ahmad Sufian Burhan			x	
	Jumlah	4	4	7	8

Jadual 2: Kecenderungan Tema Perbincangan Artikel



Graf 1: Kecenderungan Tema Perbincangan Artikel

Kecenderungan Isu Pemilihan Calon Pilihan Raya Oleh Belia

Berdasarkan dapatan isu pemilihan calon dalam pilihan raya umum oleh golongan belia, ialah kepimpinan, integriti dan anti rasuah, keselamatan dan pembangunan, menjadi modal atau perkara penting yang dititik beratkan oleh golongan belia dalam memilih calon mereka dalam pilihan raya, dan menjadi kayu ukur dalam menentukan kemenangan seseorang calon atau pilihan calon parti politik.

Kepimpinan

Dalam hal ini kepimpinan merujuk kepimpinan yang ada pada seseorang calon yang dipilih untuk mewakili setiap parti yang bertanding dalam pilihan raya. Dalam artikel yang dikaji pemilihan kepimpinan pada calon mewakili 8 artikel atau 34.7% dan merupakan isu yang paling tinggi dari empat tema yang dikemukakan dalam kajian ini dan mendapat perhatian penting bagi golongan belia. Keadaan semasa yang telah memperlihatkan masalah kepimpinan dalam politik yang sedia ada dengan pelbagai masalah seperti korupsi, rasuah, penyelewengan menjadikan belia melihat isu kepimpinan menjadi isu atau perkara penting dalam pemilihan calon dalam pilihan raya yang akan mereka pilih.

Keadaan ini menjadi ukuran dalam memastikan negara dapat maju, membangun dengan ketelusan ahli politik yang mempunyai kepimpinan yang unggul dan dipercayai oleh belia dan rakyat (Farah et al. 2023). Daya kepimpinan seseorang calon atau parti yang memilih pemimpin yang berkaliber penting dalam usaha mereka menyakinkan golongan belia, kerana sumber maklumat kini yang begitu mudah dan cepat mampu dicapai oleh golongan belia dalam mengkaji seseorang pemimpin pilihan mereka dengan segala macam sumber maklumat media yang ada kini (Nurul et al. 2019). Mereka juga dilihat tidak akan mudah percayai pada janji pemimpin yang tidak amanah dalam mewakili mereka, yang pemimpin yang dipilih perlu menunjukkan yang mereka perlu menghargai undi belia dengan menjaga kebajikan, keperluan dan kehendak mereka (Yazid Saleh et al. 2020). Keadaan ini jelas memperlihatkan isu kepimpinan menjadi pilihan utama belia dalam memilih calon dalam pilihan raya, parti politik kini perlu sedar kepentingan, peranan belia dalam politik kini dan perlu memastikan pemimpin yang dipilih mampu menarik minat golongan belia dalam menyokong parti mereka mereka, kerana kini penentu dalam menentukan masa depan sesebuah parti politik (Mokhtar & Junaidi, 2024).

Perubahan dalam struktur mengundi kini yang melihat pengundi kini berumur 18 tahun dan pendaftaran secara automatik memberikan kesan yang besar kepada pengaruh politik yang melihat penglibatan belia secara langsung dalam politik Malaysia baharu. Begitu juga umur boleh ahli Dewan Rakyat kini ialah 21 tahun dan Dewan Negara 30 tahun, merupakan satu perubahan dalam corak politik baharu negara terutama golongan belia dari budaya politik subject ke budaya politik participant (Zawiyah, 2021).

Integriti dan Anti Rasuah

Isu kedua yang menjadi pilihan atau tumpuan golongan belia berkaitan dengan integriti dan anti rasuah. Sebanyak 7 artikel atau 30.4% membincangkan isu ini, dan permasalahan atau isu ini menjadi perbincangan bagi belia sejak PRU Ke-14 lagi dengan penglibatan ahli politik kanan dengan skandal rasuah yang mencemarkan nama negara, dan berkaitan dengan tokoh politik yang menipu dan menyelewang dana rakyat, keadaan ini menyebabkan rakyat hilang kepercayaan kepada kerajaan yang telah memerintah selama 61 tahun dan mengantikan kerajaan baharu (Nor & Nurul, 2021). Dalam konteks ini, integriti telah ditakrif lebih jelas lagi dalam Plan Integriti Nasional 2006 (PIN 2006) yang membawa maksud kualiti unggul yang wujud dalam kalangan individu dan berteraskan prinsip teguh kepada kejujuran dan amalan bermalu. Berdasarkan takrifan ringkas ini, integriti boleh difahami sebagai nadi utama kepada pencapaian hasil kerja berkualiti yang dipertanggungjawabkan kepada seseorang individu atau organisasi dengan berlandaskan ciri-ciri kerja bersepadu dan menyeluruh (Megat & Abd., 2016) Budaya rasuah boleh diumpamakan seperti barah (Md. Zyadi et al, 2008) yang boleh menjatuhkan sesebuah bangsa dan negara. Pembangunan dan kejayaan negara sudah tentunya bergantung pada sikap dan moral yang diamalkan oleh setiap pengurusan, pentadbiran dan rakyat secara keseluruhannya untuk melaksanakan tugas dengan rasa tanggungjawab, bersih dan beramanah.

Begitu juga pemimpin yang dilihat dapat mendidik golongan belia menjadi rakyat yang tahu kepentingan mereka dalam menentukan hala tuju negara. Bertujuan untuk memupuk semangat patriotisme dan keterlibatan belia dalam pembuatan dasar dan keputusan negara, mempercepatkan kematangan belia, melibatkan belia dalam kepimpinan negara dan pengguna terbesar teknologi di Malaysia, yang mampu menilai baik dan buruknya sesuatu perkara (Nurul, 2022). Kini golongan belia, lebih berperanan dalam melihat kemampuan calon yang berintegriti dan bebas rasuah, kerana perkara ini menjadi asas dan pokok pangkal kepada

kemajuan negara yang lebih progresif. Pilihan para pengundi baharu juga berdasarkan calon pilihan terbaik dan pilihan berdasarkan kepada parti politik. Pilihan calon dan parti politik yang sesuai dengan selera pengundi, personaliti calon yang mempunyai pengetahuan agama, kelayakan akademik yang baik, sebangsa, calon tempatan, berkeperibadian jujur, amanah dan bersih daripada rasuah serta muda biasanya manjadi keutamaan bagi pengundi. Mereka dilihat sudah mempunyai tingkat intensiti literasi politik yang baik selain turut mendokong nilai-nilai sivil yang dibangkitkan dalam kehidupan masyarakat umum. Hal ini dapat dilihat dengan wujudnya sikap kematangan dan keterbukaan apabila mereka mengemukakan pandangan terhadap sesuatu isu yang berkaitan dengan aspek politik (Mohd, 2023).

Keselamatan

Isu keselamatan yang dilihat oleh belia dalam menentukan keselamatan negara, kawasan pilihan raya yang mereka tinggal dan membuang undi mereka, perlu satu penilaian yang menyeluruh mengenai sumber yang menjadi wakil mereka kelak dengan artikel sebanyak 4 atau 17.3%. Antara isu ialah mandat ini seharusnya dijadikan sebagai amanah yang besar yang harus dipikul bagi setiap wakil rakyat yang dipilih. Namun sebaliknya berlaku di mana ada wakil rakyat yang telah dipilih oleh rakyat sengaja mengosongkan kerusi yang dimenangi bagi memberikan laluan kepada Pilihan Raya Kecil (PRK) bagi memilih wakil rakyat yang baharu. Ada juga wakil rakyat yang sanggup melompat ke parti lain atau mengisytihar sebagai bebas tetapi cenderung pada sesebuah parti, walaupun telah dipilih oleh rakyat secara sah semasa proses pilihan raya (Mohd, et al, 2021). Isu ini mendapat perkara penting bagi belia, di mana tiada keselamatan atau jaminan yang boleh mereka percaya terhadap calon dan juga kerusi yang dipilih itu selamat dari kaedah politik yang kotor.

Begitu juga dengan maklumat keselamatan yang perlu dijalani setiap calon dengan mendapat kelulusan polis atau Kementerian Dalam Negeri, bagi memastikan mereka ini bebas dari segala masalah keselamatan, keadaan ini boleh meningkatkan lagi kepercayaan golongan belia terhadap calon yang bertanding dan keselamatan calon tersebut diperakukan oleh pihak berkuasa. Keadaan geo politik tidak menentu, ancaman keselamatan serta isu berkepentingan masyarakat pada hari ini memerlukan kewibawaan pemimpin yang boleh menyelamatkan negara dari pelbagai ancaman dalam dan luar negara yang berbentuk nyata dan subversif (Zuraimy, 14 September 2022).

Pembangunan

Isu pembangunan juga memainkan peranan penting bagi belia dilihat oleh golongan belia dengan mewakili 4 artikel atau 17.3%. Pembangunan belia digambarkan sebagai satu proses yang berterusan untuk memenuhi keperluan fizikal dan tuntutan sosial dalam membina kompetensi belia (Delgado, 2002), yang sangat berpotensi dalam proses pembangunan belia positif (PYD) (Lerner et al., 2003). Turut tidak terkecuali, dasar dan polisi di Malaysia turut menyokong agenda pembangunan belia di peringkat nasional (Dasar Belia Malaysia, 2015). Penekanan dasar ini telah meletakkan usaha dalam memantapkan proses pembangunan kepemimpinan dalam kalangan golongan muda. Walau bagaimanapun, Kim (2017) mendapati belia kurang mempunyai kekuatan yang diperlukan sebagai pemutus keputusan sekiranya kemahiran, pengalaman, keperluan dan motivasi sebagai pemimpin tidak diperturunkan secara terancang oleh golongan pemimpin dewasa. Dalam konteks komuniti, kesinambungan kepemimpinan belia yang tidak terancang menyebabkan pemimpin muda tidak terikat secara kukuh kepada komuniti (Hastings et al., 2011). Dengan pembangunan belia yang menyeluruh ini mampu memberikan kekautan belia untuk terlibat dengan aktif dalam politik semasa.

Perbincangan Isu Kepimpinan, Integriti Dan Anti Rasuah Oleh Belia

Dua isu di atas merupakan perkara yang menjadi keutamaan dalam perbincangan belia di Malaysia kini, isu kepimpinan belia merupakan satu perkara yang penting kita fahami dan dalami sebagai satu bentuk kehendak dan budaya politik kini yang memerlukan gabungan kepimpinan muda dalam politik negara. Jumlah populasi belia pada tahun 2022 yang berumur 15 hingga 30 tahun ialah 9.6 juta orang daripada 32 juta orang rakyat Malaysia (Jabatan Perangkaan, 2022), meliputi 30% daripada populasi penduduk. Bagi mencapai hasrat kerajaan untuk meningkatkan tahap kepimpinan belia Malaysia, Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035 juga turut menggariskan kepemimpinan merupakan salah satu bidang keutamaan belia yang memberi penekanan kepada pembangunan keupayaan belia dari segi kebolehan daya tindak tanduk, kecekapan dan pencapaian kepimpinan belia sebagai seorang pemimpin (Buletin Fakta, IYRES, Oktober 2023). Keadaan perlu diberi keutamaan oleh pihak pemerintah supaya belia kini dianggap sebagai rakan kongsi yang strategi dalam menjadi pelapes pemimpin akan datang. Belia kini perlu diajak dalam merangka pembangunan negara secara bersama dengan pemimpin dewasa sebagai satu kumpulan yang sama-sama membentuk dasar negara secara menyeluruh tanpa meninggalkan golongan belia dengan dasar dan pembangunan yang selari dengan kehendak dan pemikiran mereka.

Isu Integriti yang berkait rapat dengan aspek sosial boleh dijelaskan sebagai integriti yang terarah kepada adab di dalam kehidupan seharian. Kebanyakan kajian terdahulu berkaitan integriti menggunakan dunia pekerjaan sebagai aspek utama yang dikaji. Kebanyakan kajian terdahulu mengenai integriti juga lebih terarah kepada golongan penjawat awam dan juga sektor awam. Kebanyakan kajian yang pernah dilakukan mengenai integriti dalam kalangan penjawat awam pula menunjukkan terdapat banyak isu dan permasalahan berkaitan integriti dalam kalangan penjawat awam. Kajian Nik Hairi et al., (2012) misalnya mendapati penjawat awam di Malaysia masih berada di dalam tahap bermasalah dalam prestasi dan juga integriti, khususnya dalam isu rasuah. Isu ini menjadi duri dalam daging bagi golongan belia yang melihat pentadbiran awam sebagai badan penting yang membantu golongan belia dari semua segi ke arah belia yang mempunyai pengisian ilmu, pengalaman dan kemahiran dalam memajukan negara. Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2023 yang diumumkan oleh Transparency International Index, Malaysia telah berjaya memperbaiki kedudukannya iaitu kenaikan sebanyak empat tangga, 61 ke 57 daripada 180 negara yang dinilai, serta memperbaiki skornya daripada 47 ke 50, iaitu peningkatan tiga mata setelah penurunan berturut-turut semenjak 2019. Ini semua menjadi kayu ukur kepada kehendak politik belia negara kini dan akan datang yang melihat ini akan menjadi pemangkin dalam usaha memajukan negara tanpa ada unsur-unsur pilih kasih, kronisme yang boleh merosakkan negara.

Isu ini memberikan kesan yang besar kepada sokongan belia kepada parti politik dan kepimpinan dalam menentukan pilihan mereka dan seterusnya melihat keyakinan mereka kepada politik kini. Di era Malaysia Baharu ini, golongan belia dilihat menaruh harapan yang cukup tinggi untuk melihat perubahan yang lebih baik dalam segenap aspek kehidupan terutamanya perkara-perkara yang berkait rapat dengan mereka. Mereka cukup teruja untuk melihat impak yang lebih positif dalam pembangunan negara umumnya dan pembangunan komuniti setempat khususnya. Mereka juga cukup ghairah dalam membincangkan perkara-perkara yang menjadi dasar kerajaan baru menerusi pelbagai medium perantara khususnya media sosial. Justeru itu, pengaruh dan pandangan golongan belia tidak lagi boleh dipandang remeh. Setiap perkara yang diketengahkan mereka perlu diteliti, diperhalusi dan dinilai dengan bijaksana (Mohd et. al, 2023).

Kesimpulan

Pengkaji berharap agar kajian ini dapat membantu memberi fakta yang jelas kepada pihak kerajaan, menambah ilmu pengetahuan yang berguna, serta bermanfaat kepada golongan masyarakat bagi memastikan penyertaan politik dalam kalangan belia di negara ini semakin positif dan membawa kepada penambahbaikan dalam menggalakkan penyertaan golongan belia terhadap politik pada masa hadapan. Penyertaan golongan belia dalam aktiviti politik boleh digalakkan melalui usaha kerjasama pelbagai pihak untuk mempengaruhi golongan ini. Sebagai contoh, pihak yang terlibat boleh mengamalkan politik yang sihat supaya dapat menarik minat golongan belia ini untuk cakna akan situasi politik. Seterusnya perkara-perkara yang menjadi keutamaan mereka dalam isu-isu yang menjadi satu perubahan kepada politik belia kini ke arah belia yang celik politik dan mampu menjadi pemimpin pada masa hadapan. Berdasarkan kepada kehendak dan kemahuan yang mereka tunjukkan dalam Pilihan Raya Umum ke-15 yang lalu.

Pengakuan

Artikel penyelidikan ini merupakan sebahagian kajian penulis pertama dalam penyelidikan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang bertajuk, “Kecenderungan Politik Belia Melayu Kelantan Pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15)”, di bawah program pengajian Doktor Falsafah Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI.

Rujukan

- Amer Saifude Ghazali, Mohammad Redzuan Othman & Zulkanain Abdul Rahman. (2010). Pengundi muda dan pilihan raya kecil parlimen: Tumpuan kepada pilihan raya kecil parlimen Permatang Pauh, Kuala Terengganu dan Bukit Gantang. *Sarjana*, 25(1): 2010, 34-55.
- Ekhwan Haque Fazlul Haque, (2022, September 20). Bakal Calon PRU Dicapangkan Jalani Kursus Keselamatan Negara. *Harian Metro*.
- Farrah Nur Fatheeah Zullaile, Zuliza Mohd Kusrin & Anwar Fakhri Omar. (2023). Keperluan Pembinaan Panduan Pemilihan Calon Pilihan Raya Untuk Belia. *Journal Of Contemporary Islamic Law* (2023) Vol. 8(1): 42-50
- Hopkins, N. & Coster, W. (2019). The levellers, political literacy and contemporary citizenship education in England. *Education, Citizenship and Social Justice*, 14(1): 68-81.2019, <https://doi.org/10.1177/174619791876008>.
- Junaidi A. B, Novel L. & Mohd Azlan, A. (2014). Politik pilihan raya dan partisipasi politik Orang Ulu di Negeri Sarawak. *Malaysia Journal of Society and Space* 10 (5), 135-147.
- Junaidi Awang Besar. (2021). Politik pilihan raya dalam PRU-14 dan pasca PRU-14 di Negeri Sembilan. *Malaysian Journal of Society and Space* 17 issue 2 (206-220)
- Md Zyadi Mat Tahir, Sanep Ahmad, & Mohd Hafiz Abdul Wahab. (2008). Kesan rasuah terhadap pertumbuhan ekonomi: Kajian kes di Malaysia. *Working Paper in Islamic Economics and Finance* No. 0813, 1-14.
- Megat Ayop Megat Arifin & Abd. Halim Ahmad. (2016). Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum. *Malaysian Journal of Society and Space* 12 issue 9 (138 - 149).
- Mohd Azmir Mohd Nizah & Afi Roshezry Abu Bakar. (2021). Paradoks Antara Demokrasi Dan Keselamatan Negara: Analisa Ringkas Daripada Pilihan Raya Negeri Melaka 2021. *Journal of Public Security and Safety* Vol. 12 No. 2/2021
- Mohd Azmir Mohd Nizah & Afi Roshezry Abu Bakar. (2021). Paradoks Antara Demokrasi Dan Keselamatan Negara: Analisa Ringkas Daripada Pilihan Raya Negeri Melaka 2021. *Journal of Public Security and Safety* Vol. 12 No. 2/2021

- Mohd Azmir Mohd Nizah, Afi Roshezry Abu Bakar.(2022). Undi 18, dinamika politik dan keselamatan negara: Analisa daripada pilihan raya negeri Johor. *Journal of Public Security and Safety*, 14(2):2022, 1-14.
- Mohd Fuad Jali, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Mohd Awal, Abdul Halim Sidek & Khaidzir Ismail. (2009). Minat, aspirasi dan sokongan politik belia IPT Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 1(6), 99-116. <http://www.iyres.gov.my/images/MJYS/2009/MJYS%20Vol%201%20June%202009-71-84.pdf>, 2009.
- Mohd Fuad M.J., Junaidi A.B., Novel L. & Viknesh R. (2012). Persepsi politik belia India di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space* 8 issue 8 (1 - 11)
- Mohd Mahadee Ismail, Zatul Himmah Adnan & Mohd Sobhi Ishak. (2023). Kecenderungan Pengundi Baharu dalam Pilihan Raya Umum Ke-15. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50(2)(2023): 224-240.
- Mokhtar Ahmad & Junaidi Awang Besar. (2024). Pola Pandangan Pengundi Melayu Pasca PRU-14 Dinegeri Sembilan. *International Journal of Law, Government And Communication (IJLGC)*. Volume 9 Issue 36 (June 2024) PP. 37-52.
- Nik Hairi Omar, Azmi Awang & Azmi Abdul Manaf. (2012). Integriti dari perspektif pengaduan awam: Kajian kes di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia. *E-Bangi: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7(1), 141-155.
- Nor Najihah Zafari & Junaidi Awang Besar, Persepsi pengundi terhadap isu politik di kawasan DUN Muadzam Shah, Rompin, Pahang. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(2), 1-14. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/530/442>, 2023.
- Nora Eka Putri & Adil Mubarak. (2009). Influence of political literacy on the political participation of beginner voters in regional elections. *Advances in Economics, Business and Management Research*, 125: 2019, 311-317.
- Nur Syuhada Mokhzan & Norhidayah Omar. (2023). Generasi Belia Bakal Pemimpin Peneraju Negara. *Buletin Fakta*. Edisi 2, Oktober 2023.
- Nurul Hazirah Kamaruddin. (2022, Januari 30). Undi 18 Tuntut Kesesuaian Ekosistem Politik, Aspirasi Generasi Muda. *Berita Harian*.
- Nurul Naemah Hamedan, Syed Agil Shekh Alsagoff & Akmar Hayati Ahmad Ghazali. (2019). Media, isu dan tingkah laku pengundi dalam Pilihan Raya Umum ke-14: satu kajian awal. *Jurnal Komunikasi ; Malaysian Journal of Communication*, 35 (2). pp. 293-312.
- Rahimah Abdul Aziz & Nur Hafizah Yusoff. (2020). Bab 9 - Isu Integriti dan Inisiatif Malaysia Mengukuhkannya. *Bangi: UKM Press*.
- Robert, D. L. & Alan R. G. (2002). From periphery to center: Pathways for youth civic engagement in the day-to-day life of communities. *Applied Developmental Science*, 6(4):2002, 189–95.
- Sinar Harian. (20 Oktober 2022). Lebih sejuta belia usia 18 hingga 20 tahun mengundi kali pertama. <https://www.sinarharian.com.my/article/226836/berita/nasional/lebih-sejuta-belia-usia-18-hingga-20-tahun-mengundi-kalipertama>.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. (2021). Pelaksanaan Umur Kelayakan Pengundi 18 Tahun dan Pendaftaran Pemilih Secara Automatik (PPSA), 1 2021, <https://www.spr.gov.my/ms/pilihan-raya/soalan-lazim/pelaksanaan-umurkelayakan-pengundi-18-tahun-dan-pendaftaran-pemilih>.
- Zawiyah Mohd Zain. (2021). Budaya politik masyarakat Melayu: Satu analisis. *Malaysian Journal of Society and Space* 17 issue 1 (297-311).